



PERBADANAN SUKAN SARAWAK

NOTIS IKLAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor – Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kelas** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

No. Rujukan Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Kategori, Kepala & Sub-Kepala		Jenis Tawaran	Taklimat Tender Dan Lawatan Tapak	Yuran Dokumen Tender (RM)	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
T/SSC/25/2026	(Projek Rakyat) (Fasa II) Repairs Works of Bau Sports Complex-Bau Mini Stadium and Indoor Hall	UPKJ (ELEKTRIKAL)		Bumiputera Sahaja	Tarikh: 02 Mac 2026 Masa: 10.00 Pagi Tempat: Kompleks Sukan Bau	Dibayar Dalam Bentuk Bank Deraf / Tunai atas Nama "Perbadanan Sukan Sarawak" RM200.00 (Tidak Dikembalikan)	16 Mac 2026 <u>Isnin – Khamis</u> 9.00 am – 12.00pm 2.00pm-4.00pm <u>Jumaat</u> 9.00 am – 11.00am 2.30pm-4.00pm	18 Mac 2026 Sebelum 12.00 Tengahari
		Kelas	I atau II					
		Kepala	VIIA					
		Sub - Kepala	1					


2. Hanya Pentender yang menghadiri **TAKLIMAT TENDER & LAWATAN TAPAK (WAJIB)** sahaja yang dibenarkan untuk membeli Dokumen Tender. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan), **COP RASMI SYARIKAT** dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (jika berkenaan) sebelum dokumen tender dijual kepada kontraktor yang layak.

3. Bayaran Yuran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Deraf Bank/Tunai** yang dibayar ke atas nama Perbadanan Sukan Sarawak untuk pembelian di **Unit Akaun, Stadium Perpaduan, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak**.
4. Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **03 Mac 2026 hingga 16 Mac 2026** pada waktu pejabat di alamat **Unit Akaun, Stadium Perpaduan, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak**.
5. Penender adalah dikehendaki untuk mengemukakan dokumen tender lebih awal dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan dokumen tender pada hari tender ditutup.
6. Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan petender sebelum tarikh dan masa tutup tender.
7. Perbadanan Sukan Sarawak tidak akan bertanggungjawab sekiranya petender lewat untuk mengemukakan dokumen tender pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan.
8. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh **Pemilik/ Wakil Syarikat / Firma** ke dalam **Peti Tawaran** dengan menggunakan **Sampul Berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor Rujukan Tender** dan **Tajuk Tender**. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **Jam 12.00 Tengahari** pada tarikh tutup seperti yang dinyatakan dan dihantar ke alamat seperti di bawah:

Pengerusi
Jawatankuasa Tender, Kewangan dan Pelaburan
Perbadanan Sukan Sarawak
d/a Pejabat Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif,
Tingkat 4, Pusat Akuatik Pandelega Rinong, Jalan Stadium
93050, Kuching
Sarawak

9. Dokumen Tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
10. Perbadanan Sukan Sarawak tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

"BERSATU, BERUSAHA, BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"


KHAIRUL NIZAM BIN MORSHIDI
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Sukan Sarawak